

D3 - 5 DP1 - 5  
D2 - 5 DI - 5

SULIT

KYPJ/APRIL2016/ETR3013



**SEKOLAH HOSPITALITI DAN PELANCONGAN  
KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	ENTREPRENEURSHIP
KOD KURSUS	:	ETR 3013
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2016
MASA	:	3 JAM

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) BAHAGIAN A (20 Markah)  
bahagian:  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Jawab SEMUA soalan.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK  
TERMASUK MUKA HADAPAN**



**BAHAGIAN A (20 MARKAH)****SOALAN ANEKA PILIHAN****ARAHAN: JAWAB SEMUA SOALAN****Sila guna borang OMR yang disediakan**

1. Usahawan boleh didefinisikan sebagai seseorang yang mewujudkan perniagaan baru, berani menghadapi risiko, dan mengambil peluang-peluang yang ada dalam usaha mencapai keuntungan. Siapakah bapa keusahawanan?
  - A. Richard Gere
  - B. Rirchard Cantillon
  - C. Richard Canton
  - D. Richard Canoon
  
2. Beliau melihat usahawan sebagai individu atau kumpulan yang memikul tanggungjawab dalam menentukan jenis perniagaan, bentuk barang atau perkhidmatan, saiz dan tumpuan pasaran. Beliau yang dimaksudkan adalah .....
  - A. H.G. Emerald
  - B. H.G. Emma
  - C. H.G. Evans
  - D. H.G. Evanassence
  
3. Ciri-ciri usahawan yang mampu berdaya saing dan boleh berjaya adalah seperti yang berikut :-
  - A. Bertanggungjawab, berkeyakinan dan mampu berjenaka
  - B. Berwawasan, bertenaga dan sihat tubuh badan
  - C. Bertanggungjawab, berwawasan dan berwawasan
  - D. Berkehendak maklumbalas, menilai pencapaian dan tidak suka persaingan

4. Antara kelebihan memiliki perniagaan adalah berpeluang untuk :-
- A. Berpeluang menjadi popular
  - B. Dapat melakukan perubahan yang lebih baik
  - C. Boleh menjatuhkan orang lain melalui persaingan yang kurang sihat
  - D. Dapat mempelajari selok-belok perniagaan
5. Berikut adalah keburukan memiliki perniagaan **KECUALI** .....
- .....
  - A. Pendapatan yang tidak seimbang
  - B. Masa kerja yang sentiasa panjang dan memenatkan
  - C. Mampu memberi keuntungan yang maksimum
  - D. Mampu memberi kerugian yang maksimum
6. Antara faktor yang mampu meningkatkan semangat usahawan ialah .....
- A. Faktor demografi dan ekonomi
  - B. Faktor perubahan cuaca
  - C. Faktor perubahan musim
  - D. Faktor perubahan waktu dan masa
7. Melalui beberapa kajian, kebanyakannya kegagalan perniagaan kecil berlaku selepas ...
- A. Dua tahun beroperasi
  - B. Setahun beroperasi
  - C. Sebulan beroperasi
  - D. Dua dekad beroperasi

8. Kebanyakan kejayaan dan kegagalan perniagaan adalah bergantung kepada kemahiran usahawan. Antara perkara yang menyumbang kepada kegagalan perniagaan adalah .....
- .....
- A. Pengurusan yang tidak cekap, kurang pengalaman dan lokasi yang kurang sesuai
  - B. Pengurusan yang berhemah tetapi pengalaman yang cetek serta kurang modal
  - C. Pengurusan yang sempurna dan berdaya saing, tetapi tiada keuntungan dalam jangka pendek
  - D. Pengurusan yang kurang berkesan tetapi mampu memberi pulangan yang baik
9. Untuk mengelak kegagalan dalam perniagaan. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu di ambil .....
- A. Anda perlu memahami situasi perniagaan anda serta menguruskan sumber kewangan dengan berhemah
  - B. Memahami penyata kewangan tetapi perlu melaburkan kepada perkara-perkara yang mendatangkan kerugian
  - C. Hasilkan perancangan perniagaan yang kukuh walaupun kurangnya modal perniagaan
  - D. Modal perniagaan yang mencukupi dan cuba mengurangkan aset bagi mengembangkan perniagaan dengan lebih maju
10. Dalam Islam, perniagaan itu adalah fardhu ...
- .....
- A. Fardhu ain
  - B. Fardhu ainun
  - C. Fardhu kifayah
  - D. Fardhu takyah

11. Kewujudan peluang perniagaan menawarkan barang dalam pasaran tertentu memberi peluang kepada peniaga untuk menambahkan pendapatan sekali gus menjanjikan pulangan yang memuaskan. Berikut adalah antara barang yang boleh diniagakan .....

- A. Barang yang telah wujud dalam pasaran tetapi belum memenuhi permintaan dan cita rasa
- B. Barang yang telah wujud dan menepati cita rasa
- C. Barang yang menjanjikan pulangan yang lumayan dan mampu memberi kesempurnaan dalam kualiti barang
- D. Barang yang wujud tetapi terlalu mahal sehingga tidak mampu dimiliki golongan sederhana

12. Berikut adalah **EMPAT** langkah dalam mengenal pasti, mengkaji dan memilih peluang perniagaan **KECUALI**

- A. Mengenalpasti keperluan dan kehendak pelanggan
- B. Menganalisis persekitaran, penilaian diri dan nilai masyarakat
- C. Menganalisis data-data yang tiada kaitan dengan perniagaan
- D. Memilih peluang perniagaan yang wujud

13. Keperluan adalah sesuatu yang asas yang mesti diperoleh. Antaranya adalah

- A. Makanan
- B. Banglo
- C. Kereta BMW
- D. Memiliki barang kemas

14. Dalam menganalisis persekitaran, membuat penilaian dan menilai masyarakat, seseorang usahawan itu perlulah .....

- A. Mengetahui tentang keadaan penduduk, pendapatan serta cita rasa semasa bagi membolehkan usahawan itu mengetahui keperluan dan kehendak masyarakat
- B. Melakukan analisa dan kaji selidik serta menyimpan data tersebut dengan cermat
- C. Melakukan kaji selidik tetapi tidak membuat semakan semula bagi mengesahkan data-data yang diperolehi
- D. Mengetahui citarasa kini dan cuba menerima sambil membekalkan barang-barang yang lama

15. Berikut adalah bentuk-bentuk perniagaan yang boleh didaftarkan **KECUALI**

- A. Milikan tunggal
- B. Milikan kekal
- C. Perkongsian
- D. Syarikat berhad

16. Semua yang berikut adalah benar **KECUALI**

- A. Selepas 2 tahun beroperasi, 24% daripada perniagaan baru gagal
- B. Selepas 4 tahun beroperasi, 51% daripada perniagaan yang dijalankan gagal
- C. Selepas 3 tahun beroperasi, 32% daripada perniagaan yang dijalankan muflis
- D. Selepas 6 tahun beroperasi, 63% daripada perniagaan yang diniagakan tidak berjaya

17. Banyak perkara-perkara yang menyumbang kepada jatuh dan bangunnya usahawan-usahawan yang ada di Malaysia. Antara yang dinyatakan di bawah, apakah punca kepada kegagalan usahaawan-usahawan di Malaysia?
- A. Kurangnya pengalaman dalam pentadbiran
  - B. Mengatasi masalah sambil lewa
  - C. Kurang motivasi dan keupayaan berdaya saing
  - D. Malas berusaha dan hanya mengharapkan rezeki terpijak
18. Perancangan dalam melakukan perniagaan merupakan perkara penting dalam menentukan halatuju sesuatu perniagaan. Antara perkara-perkara berikut perlu dilakukan bagi mengelakkan serta mengurangkan risiko kegagalan dalam perniagaan.
- A. Melakukan perniagaan tanpa sebarang perancangan
  - B. Hasilkan perancangan perniagaan yang kukuh
  - C. Belajar menghasilkan perniagaan melalui perancangan
  - D. Menggunakan perancangan sebagai pengantara untuk menjayakan perniagaan
19. Keburukan memiliki perniagaan akan menyebabkan perkara-perkara berikut terjadi
- A. Pendapatan sentiasa tetap
  - B. Pendapatan yang sentiasa berganda-ganda
  - C. Tekanan kehidupan yang tinggi
  - D. Tekanan darah tinggi naik
20. Kelebihan memiliki perniagaan adalah berpeluang untuk
- A. Membina jati diri
  - B. Mencari kehidupan yang hakiki
  - C. Membuat perubahan
  - D. Membuat produk sendiri

**BAHAGIAN B (60 MARKAH)****ESEI PENDEK****ARAHAN: JAWAB SEMUA SOALAN**

Sila guna buku jawapan yang disediakan

**SOALAN 1**Nyatakan **LIMA** ciri-ciri seorang usahawan yang berjaya (5 markah)**SOALAN 2**Senaraikan **EMPAT** keburukan memiliki perniagaan. (4markah)**SOALAN 3**

Terangkan secara ringkas fungsi-fungsi perniagaan (8 markah)

**SOALAN 4**

Senaraikan 4 langkah utama dalam membuat ramalan jualan (4 markah)

**SOALAN 5**

Senaraikan struktur asas organisasi (6 markah)

**SOALAN 6**Senaraikan **LIMA** ciri-ciri perlakuan usahawan di zaman Rasulullah (5 markah)**SOALAN 7**Senaraikan **TIGA** bentuk perniagaan yang boleh didaftarkan. (3 markah)**SOALAN 8**Senaraikan **ENAM** langkah dalam merekabentuk struktur organisasi (6 markah)

**SOALAN 9**

Nyatakan ciri-ciri utama perniagaan kecil

(3 markah)

**SOALAN 10**

Terangkan secara ringkas bentuk strategi pemasaran

(8 markah)

**SOALAN 11**

Senaraikan LAPAN strategi barang / perkhidmatan

( 8 markah)

**BAHAGIAN C (20 MARKAH)****ESEI PANJANG****JAWAB SEMUA SOALAN****Sila guna buku jawapan yang disediakan****SOALAN 1**

Padankan bentuk simbol dengan carta aliran di bawah

- i. Pembelian bahan mentah
- ii. Pemeriksaan kualiti bahan mentah
- iii. Simpanan bahan mentah
- iv. Proses pemotongan bahan mentah
- v. Pergerakan bahan mentah ke tempat pemprosesan
- vi. Proses menyediakan bahan mentah
- vii. Pembungkusan
- viii. Pergerakan barang
- ix. Simpanan sebelum jualan
- x. Penangguhan sebelum pengedaran barang

**(10 MARKAH)****SOALAN 2**

Kira bayaran balik pinjaman dibawah

Jumlah pinjaman	:	RM 80,000
Kadar Faedah	:	10%
Jangka masa bayaran	:	8 tahun
Kaedah	:	Tahunan berkurangan

**(10 MARKAH)**

